

SEBUTHARGA

PENYEWAAN TAPAK UNTUK MEMBINA INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI TINGKAT ATAS (*ROOFTOP*) BLOK L, M DAN N, SKIM PERUMAHAN AWAM MAJLIS, TAMAN FREE SCHOOL, PULAU PINANG

1. PENGENALAN

Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memiliki ruang-ruang tapak untuk membina infrastruktur telekomunikasi di tingkat atas (*rooftop*) Skim Perumahan Awam Majlis, Taman Free School, Pulau Pinang dengan ini mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk membida penyewaan premis tersebut untuk membina infrastruktur telekomunikasi sahaja bagi menaiktaraf tahap liputan telekomunikasi di kawasan sekitar.

2 SYARAT-SYARAT UTAMA PENYEWAAN

- i. Tempoh Sewaan : 3 tahun sahaja;
- ii. Tempat : Di tingkat atas (*rooftop*) Blok L, M dan N, Skim Perumahan Awam Majlis, Taman Free School, Pulau Pinang
- iii. Keluasan : Tapak untuk meletakkan peralatan telekomunikasi (7.3 meter x 5 meter) dan ruang struktur telekomunikasi (8 meter x 7 meter) bagi 1 tapak
- iv. Penyewa perlu membayar sewa 1 bulan secara pendahuluan dan deposit bersamaan sewaan 3 bulan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan MBPP;
- v. Aktiviti : Infrastruktur telekomunikasi sahaja;
- vi. Penyewaan adalah berdasarkan kepada ‘as is where is basis’ dan segala kerja pemasangan dan penyelenggaraan akan ditanggung sepenuhnya oleh penyewa sendiri;
- vii. Harga Rizab Sewaan ke atas tawaran / bidaan ini ialah RM8,300.00 sebulan (1 tapak).

3 SYARAT-SYARAT BIDAAN

- i. Bidaan adalah terbuka kepada semua syarikat telekomunikasi (pemohon perlu sertakan dokumen syarikat/pendaftaran perniagaan)
- ii. Tarikh mula bidaan : 29 November 2021 (Isnin)
- iii. Tarikh lawatan : 01 Disember 2021 (Tidak diwajibkan)
- iv. Tarikh tutup bidaan : 13 Disember 2021 (Isnin) pada jam 11.00 pagi

- v. Bidaan yang dikemukakan hendaklah disertakan deposit bidaan dalam bentuk bank deraf dengan amaun yang bersamaan dengan 1 bulan sewaan kos bidaan.
- vi. Sekiranya pembida yang berjaya nanti gagal untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan pada tarikh yang ditetapkan oleh MBPP atau menolak tawaran Majlis, maka deposit bidaan yang telah dikemukakan akan dilepasan dan penyewaan itu akan diberikan kepada pihak lain mengikut budi bicara MBPP.
- vii. Pembida yang berminat boleh memperolehi Borang Permohonan mulai 29 November 2021 di :-
 - a) Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 4.00 petang.
 - b) Laman web MBPP (www.mbpp.gov.my)
 - c) Email kepada azianaahmad@mbpp.gov.my untuk permohonan borang bidaan.
- viii. Pembida yang berminat boleh menghubungi pegawai berikut untuk mengaturkan lawatan tapak sebelum tarikh tutup bidaan:-

Puan Aziana binti Ahmad	-	04-2592144
Encik Suhaimi bin Umar	-	04-2592101
- ix. Borang yang telah diisi dengan harga tawaran sewaan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul kosong yang ditulis pada penjuru atas kiri sampul tersebut dengan ‘Penyewaan tapak untuk membina infrastruktur telekomunikasi di tingkat atas (rooftop) Blok L, M dan N, Skim Perumahan Awam Majlis, Taman Free School, Pulau Pinang’. Sampul ini kemudiannya, dimasukkan ke dalam kotak berkunci yang disediakan khas di Kaunter Tingkat 12, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MBPP, Pulau Pinang pada 13 Disember 2021 (Isnin), Jam 11.00 pagi.
- x. Dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara Fasa 4, pembida dikehendaki membuat janji temu melalui itemu.mbpp.gov.my dalam tempoh 2 hari sebelum untuk mendapatkan borang permohonan dan menghantar borang atau menghubungi di talian no. 04-2592144 / 04-2592101.
- xi. Pihak MBPP akan membuka premis ini untuk lawatperiksa pada 01 Disember 2021 (tidak wajib) dari jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi.
- xii. MBPP akan membuat pertimbangan ke atas bidaan yang dibuat dan Majlis akan menghubungi pembida yang berjaya sebaik sahaja keputusan dibuat.
- xiii. Keputusan pihak MBPP di dalam pemilihan pembida yang berjaya adalah muktamad.
- xiv. MBPP tidak terikat untuk menerima tawaran sewa yang tertinggi.

SYARAT-SYARAT PENYEWAAN

**PENYEWAAN TAPAK UNTUK MEMBINA INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI
TINGKAT ATAS (ROOFTOP) BLOK L, M DAN N, SKIM PERUMAHAN AWAM MAJLIS,
TAMAN FREE SCHOOL, PULAU PINANG**

Syarat-syarat Penyewaan

1. Tapak premis MBPP akan digunakan untuk tujuan infrastruktur telekomunikasi sahaja.
2. Tempoh penyewaan adalah untuk 3 tahun.
3. Tapak akan disewakan mengikut keadaan sediada ('as is where is basis').
4. Penyewa perlu membayar deposit bersamaan 3 bulan sewaan ketika menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dengan Majlis.
5. Penyewa tidak dibenarkan membuat sebarang pengubahsuaian/tambahan struktur di atas bangunan tersebut kecuali mendapat kebenaran pihak MBPP terlebih dahulu.
6. Penyewa dikehendaki mengemukakan pelan-pelan terperinci untuk pemasangan infrastruktur telekomunikasi untuk kelulusan MBPP sebelum kerja-kerja pemasangan dilaksanakan.
7. Segala penyambungan bekalan elektrik, air dan lain-lain adalah ditanggung oleh penyewa tanpa sebarang tuntutan kepada pihak MBPP.
8. Sebarang kerosakan akibat pemasangan infrastruktur telekomunikasi ini akan ditanggungjawab sepenuhnya oleh penyewa.
9. Penyewa dikehendaki mengambil polisi perlindungan yang melindungi MBPP dari sebarang kemalangan/kecelakaan berlaku.
10. Apabila tamat tempoh sewaan, penyewa dikehendaki menyerahkan tapak dalam keadaan asal dan baik dengan persetujuan MBPP.
11. MBPP berhak untuk menamatkan sewaan atau menarikbalik kelulusan penyewaan tapak sekiranya penyewa gagal mematuhi syarat-syarat penyewaan atau MBPP memerlukan tapak tersebut, tanpa sebarang bayaran gantirugi.

BORANG BIDAAN

PENYEWAAN TAPAK UNTUK MEMBINA INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI DI TINGKAT ATAS (*ROOFTOP*) BLOK L, M DAN N, SKIM PERUMAHAN AWAM MAJLIS, TAMAN FREE SCHOOL, PULAU PINANG

Saya _____

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak Individu/Syarikat _____

(Sekiranya syarikat)

dengan ini menawarkan untuk penyewaan tapak untuk membina infrastruktur telekomunikasi di tingkat atas (*rooftop*) Blok L, M dan N, Skim Perumahan Awam Majlis, Taman Free School, Pulau Pinang daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang tertakluk kepada semua syarat bidaan atas kadar sewaan :-

Ringgit Malaysia _____ sahaja
(RM _____ sebulan) dan bercadang menggunakan premis MBPP ini untuk tujuan
(sebutkan kegunaan) _____.

Dilampirkan bersama-sama ini deraf bank bertarikh _____ dan
bernomor _____ bernilai RM _____ sebagai bayaran bidaan
(bersamaan 1 bulan kadar sewaan) kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan dokumen
syarikat/pendaftaran perniagaan.

Sekiranya tawaran saya diterima, saya bersetuju untuk menandatangani Surat Perjanjian Penyewaan dan menjelaskan bayaran sewaan dengan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung dalam syarat Bidaan dan Surat Perjanjian Penyewaan.

Saya memperakui bahawa semua maklumat yang berkaitan dengan tawaran bidaan ini adalah benar dan sah. Saya memberi keizinan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih lanjut semua maklumat tersebut dengan pihak saya atau pihak-pihak lain yang berkaitan. Saya juga bersetuju untuk membekalkan maklumat-maklumat tambahan yang berkaitan dengan bidaan ini sekiranya diminta oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Tandatangan _____

Nama _____

(Huruf Besar)

No. K.P _____

Jawatan dalam Syarikat _____

Nama Syarikat _____

No. Pendaftaran Syarikat _____

Alamat Berdaftar Syarikat _____

Alamat Surat Menyurat _____

(Sekiranya berlainan dengan _____)

Alamat di atas _____

No. Telefon : _____ No. H/phone _____ No. Fax : _____

Tarikh : _____

Disah Terima:

b.p Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Pulau Pinang